

MODEL WAKAF KORPORAT SAHABAT SEBAGAI RUJUKAN MODEL PEMBANGUNAN UMMAH

Ahmad Yumni bin Abu Bakar^{a*}, Setiyawan Gunardi^b

^aPensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah
Email: yumni705@uitm.edu.my

^bPensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia
*Corresponding Author

Article info

Received:
07/03/2023
Received in revised form:
05/03/2023
Accepted:
07/03/2023
Available online:
10/03/2023

Keywords:
*Wakaf Korporat; Model
Pembangunan Ummah;
Wakaf Sahabat*

Abstrak

Wakaf merupakan instrumen yang amat penting dalam sosio ekonomi umat Islam bermula di zaman Rasulullah SAW sehingga ke hari ini. Para Sahabat baginda yang tergolong di kalangan bangsawan, hartawan, dan dermawan sudi menyumbangkan seluruh harta dan sebahagiannya kepada pembangunan ummah. Justeru itu, ekonomi umat Islam di zaman baginda menjadi kukuh dan kekayaan berlegar kepada segenap lapisan masyarakat. Kertas kerja ini bertajuk "Wakaf korporat sahabat sebagai model pembangunan ummah". Selain itu, ia juga akan mengenalpasti dan mengkaji sejauh mana peranan para sahabat baginda yang banyak mewakafkan aset-aset mereka yang berbentuk wang, tanah kebun, telaga dan sebagainya. Selanjutnya, kajian juga akan menyelidiki sejauh mana model wakaf sahabat ini berterusan sehingga kepada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin, Kerajaan Bani Umayyah, Bani Abbasiyah dan sebagainya. Metodologi yang digunakan bersifat kualitatif perpustakaan. Dapatan kajian mendapati bahawa model wakaf korporat ini telah berjaya merentasi zaman dan ia telah digunapakai oleh para khalifah Islam di dalam pemerintahan mereka. Kesimpulannya, model wakaf korporat ini amat penting dalam pembangunan ummah dan ia amat relevan untuk dipraktikkan oleh semua umat Islam di seluruh dunia.

COMPANIONS CORPORATE WAQF MODEL AS A BASIC OF UMMAH DEVELOPMENT

Abstract

Waqf is a very important instrument in the socio-economics of Muslims starting from the time of the Prophet SAW until today. Companions of the Prophet who are among the nobles, wealthy, and philanthropists are willing to donate all their properties and part of it to the development of the community. Therefore, the economy of Muslims in his time became strong and wealth is spread to all levels of society. This paper is entitled Sahabah corporate waqf as a model of ummah development. In addition, it will also identify and study the extent of the role of Companions of the Prophet who donate a lot of their assets in the form of money, garden land, wells and so on. Furthermore, the study will also investigate the extent to which this waqf model of the Companions continued until the reign of the Khulafa al-Rasyidin, the Bani Umayyah Kingdom, the Bani Abbasiyah and so on. The methodology used is library qualitative. The findings of the study found that this model of corporate waqf has been successful across the ages and it has been used by the Islamic caliphs in their government. In conclusion, this corporate waqf model is very important in the development of the ummah and it is very relevant to be practiced by all Muslims around the world.

Keywords: *Corporate Waqf, Companions Waqf, Ummah Development*

PENDAHULUAN

Para sahabat Nabi SAW adalah insan-insan terpilih. Mereka telah mendapat hidayah Allah dan juga mendapatkan bimbingan langsung daripada Rasulullah. Mereka terpilih menjadi orang-orang yang pertama kali menghafal dan menuliskan firman Allah, serta yang mengkhabarkan kepada generasi selanjutnya tentang setiap ucapan dan perilaku Nabi Muhammad SAW, yang begitu mulia. Dengan jiwa dan raganya, para sahabat berada di samping Rasulullah dalam setiap pertempuran melawan kaum kafir. Selain itu, mereka juga telah menginfak dan mewakafkan harta benda kesayangan seperti wang, rumah, tanah dan sebagainya demi cintakan Allah dan RasulNya. Mereka juga adalah tangan kanan Rasulullah yang mengirimkan seruan dakwah Islamiah kepada setiap raja-raja dan pembesar negara untuk memeluk agama Islam. Oleh itu, sudah semestinya sebagai umat Islam, kita dituntut untuk menghormati setiap para sahabat. Baginda memberikan amaran keras agar jangan sekali-kali mencela atau menghina para sahabat. Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

"Telah menceritakan kepada kami Mahmud bin Ghailan telah menceritakan kepada kami Abu Daud dia berkata; telah memberitakan kepada kami Syu'bah dari Al A'masy dia berkata; saya mendengar Dzakwan Abu Shalih dari Abu Sa'id Al Khudri dia berkata; Rasulullah bersabda, "Janganlah kalian mencela para sahabatku, demi Dzat yang jiwaku berada di tangan-Nya, sekiranya salah seorang dari kalian menginfakkan emas sebesar gunung Uhud, niscaya tidak akan menyamai (pahala) satu mud atau setengahnya sekalipun dari sedekah salah seorang dari mereka." Abu Isa berkata, "Hadith ini adalah hadith hasan shahih, sedangkan makna sabda beliau, "Setengahnya." iaitu setengah dari mud mereka (para sahabat)." Telah menceritakan kepada kami Al Hasan bin Ali Al Khallal -dia seorang yang hafidz (hafal seratus ribu hadith) - telah menceritakan kepada kami Abu Mu'awiyah dari Al A'masy dari Abu Shalih dari Abu Sa'id Al Khudri dari Nabi seperti hadits di atas," (Riwayat Nasaie).

Nabi Muhammad SAW menegaskan lagi ancaman dan amaran keras kepada orang yang menghina dan mencela para sahabat baginda. Sabdaan baginda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah SWT telah memilih aku, dan dipilih bagi aku para sahabatku, maka telah dijadikan mereka untukku sebagai menteri-menteri, para penolong dan hubungan kekeluargaan, oleh itu, sesiapa yang mencela mereka maka ke atasnya laknat Allah, para malaikat dan manusia sekaliannya, tidak diterima daripadanya pada hari kiamat sama ada amalan fardhu dan amalan sunat." (Riwayat Al-Hakam dari sanad-sanad yang sahih)

Keistimewaan para sahabat juga telah dirakamkan di dalam surah at Taubah ayat 100, firman Allah SWT yang bermaksud:

"Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) dari golongan muhajirin dan anshar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah ridha kepada mereka dan merekapun ridha kepada Allah dan Allah menyediakan bagi mereka surga-surga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya selama-lamanya. Mereka kekal di dalamnya. itulah kemenangan yang besar."

Wakaf korporat terus berkembang dengan hebatnya pada zaman kegemilangan Islam termasuklah sewaktu zaman Khalifah Uthmaniah sehingga wujudnya begitu banyak universiti, sekolah, hospital dan fasiliti-fasiliti berasaskan wakaf. Ianya diteruskan dengan ikon-ikon wakaf yang hebat dan amat membanggakan. Antara yang termasyhur adalah Universiti Al-Azhar, yang dibangunkan serta diurus dengan menggunakan konsep wakaf secara keseluruhan, dan sehinggalah ke hari ini, kesinambungan perkembangan pembangunan wakaf diteruskan dan berjalan dengan jayanya (Saad Yusof Abu Aziz, 2005).

Wakaf korporat sahabat merupakan satu instrumen yang efektif dalam menjana pembangunan sosio ekonomi umat Islam pada masa silam. Jika kita menyelidiki dan mengkaji sirah kehidupan para sahabat Nabi Muhammad SAW, ramai di kalangan mereka yang telah memberikan sumbangan besar dalam

mewakafkan harta material milik kesayangan mereka seperti wang dinar-dirham, rumah, tanah dan sebagainya kepada dakwah Islamiah. Dengan adanya aset wakaf dapat digunakan seperti bantuan dan pertolongan dalam jihad menentang musuh, ia juga dapat membela nasib golongan fakir miskin serta membangunkan ekonomi ummah. Wakaf tersebut tidak terhenti pada zaman Rasullullah sahaja malah ia berterusan sehingga zaman kontemporari. Bayanglah betapa banyak dan besarnya ganjaran pahala yang telah mereka perolehi seperti air yang mengalir tidak pernah berhenti. Kedapatan lagi tanah-tanah wakaf para sahabat yang masih diselia oleh pihak kerajaan Saudi Arabia sehingga kini.

Dalam mendepani situasi pandemik COVID 19, wakaf adalah suatu instrumen yang diperlukan bagi menjaga kemaslahatan ummah. Sepertimana yang kita maklumi, bahawa tribulasi COVID 19 ini telah memberikan impak negatif dari sudut kesihatan, ekonomi, politik dan sosial kepada seluruh bangsa manusia di dunia ini. Menurut Rohaniza Idris & Muhammad Yusri Muzamir (2020), Sistem Insuran Pekerja (SIP) merekodkan seramai 99,696 pekerja diberhentikan atas pelbagai sebab antara Januari hingga 27 November lalu. Sebagaimana yang dilaporkan media pada 18 November 2020, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 266 kes bunuh diri dilaporkan sejak 18 Mac hingga 30 Oktober lalu ketika PKP 1.0 (Atriza Umar, 2021). Oleh yang demikian, peranan wakaf korporat sebagai model penyelamat ekonomi umat Islam yang mengalami kesempitan hidup dan pelbagai permasalahan di zaman pandemik COVID 19 ini. Justeru itu, dengan wujudnya model wakaf korporat ini, diharapkan akan melahirkan ramai golongan korporat yang pemurah dalam memberikan sumbangan yang besar untuk pembangunan ummah dan negara.

Kajian ini akan menjelaskan definisi wakaf, pensyariaan wakaf, rukun wakaf, sejarah para sahabat yang telah mewakafkan harta benda di zaman Nabi Muhammad SAW demi menegakkan agama Allah di atas muka bumi, apakah aset yang telah diwakafkan sehingga kini untuk survival ummah.

KAJIAN LEPAS

Melalui pemerhatian yang dibuat, terdapat beberapa kajian dan penulisan yang berkaitan dengan apa yang ingin dikaji. Walaubagaimanapun, tidak semua dapatan seperti tajuk dan kandungan yang dikaji merujuk khusus kepada perkara wakaf korporat. Kepelbagaian ini dilakukan bagi memenuhi tuntutan kajian yang melibatkan pelbagai elemen seperti waqaf korporat khususnya dan wakaf itu sendiri selain saham yang merupakan harta wakaf. Antara kajian- kajian terdahulu adalah seperti berikut:

Golongan ulama dan professional perlu berpadu usaha bagi memastikan objektif memaksimumkan potensi tanah wakaf. Kerjasama ini perlu dalam merangka program dan kaedah yang inovatif, selain sesuai dengan cabaran semasa dan keperluan masyarakat. Hasilnya, peningkatan kualiti dan potensi pembangunan wakaf terutamanya dalam menyelesaikan masalah tanah wakaf (Hasnol Zam Zam Ahmad, 2007). Kerjasama di antara JCorp dan MAIJ membawa kepada kecemerlangan amalan wakaf. Harta yang diwakafkan oleh pihak JCorp ialah beberapa unit saham anak syarikatnya. Ab Rahman Ismail (2007) dalam kajiannya yang bertajuk Aplikasi Kaedah Fiqh *Ma La Yudrak Kulluh La Yutrak Julluh* dalam mengklasifikasikan saham-saham patuh syariah di bursa saham menyatakan bahawa saham merupakan instrumen tumpuan kebanyakan syarikat bagi tujuan untuk memperoleh dana tanpa faedah dalam usaha untuk mengembangkan aktiviti dan menampung kos operasi syarikat. Hal ini telah menjadi gaya pilihan utama dalam sistem ekonomi campuran.

Umumnya, aktiviti jual beli saham mampu mendatangkan keuntungan dan membawa kesan besar terhadap pertumbuhan dan kemajuan negara. Selaras dengan ini, terbukti bahawa tindakan Johor Corporation yang mengambil langkah mewakafkan sebahagian saham anak syarikat adalah tindakan wajar dan proaktif seiring dengan peredaran masa dan keperluan. Manakala Kharil Faizal Khairi et al. (2015) dalam kajian mereka menyatakan bahawa pelaksanaan wakaf korporat yang dipraktikkan oleh JCorp adalah sangat berguna dalam membangunkan kesejahteraan ekonomi ummah. Tajuk yang ingin dibahaskan oleh penulis belum lagi dikaji oleh mana-mana pengkaji secara khusus di dalam kajian lepas ini. Oleh itu, kajian wakaf korporat sahabat sebagai model pembangunan ummah menjadi satu

keperluan untuk diteliti dan dibahasakan supaya ia menjadi suatu model ikutan setiap lapisan masyarakat di Malaysia khasnya dan dunia Islam amnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dalam mengumpul data. Dokumen-dokumen dari pelbagai bentuk diteliti dan dikaji untuk mendapatkan data-data yang bersesuaian dengan kehendak kajian. Kajian ini memberi tumpuan kepada data-data yang terdapat dalam buku-buku, kajian-kajian lepas, kertas kerja, artikel dan sebagainya untuk dianalisa. Dalam kajian ini, pengkaji perlu mencari bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Data-data yang diperolehi dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan dan dihuraikan secara induktif dan deduktif.

DAPATAN KAJIAN

Wakaf

Dari segi Bahasa Arab adalah wakaf atau waqf adalah harta yang diwakafkan, juga dinamakan Habs, iaitu harta yang tertahan. Selain itu, Mana', iaitu yang dihalang. Kamus Dewan disebutkan bahawa wakaf adalah sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma), sesuatu yang diberikan atau diuntukkan bagi keperluan dan sebagainya yang berkaitan dengan agama Islam, seperti wakaf sumur (telaga) yang dibuat untuk orang ramai, tanah yang diperuntukkan bagi keperluan agama (untuk perkuburan mendirikan masjid dan lain-lain).

Dari segi syarak, wakaf bermaksud seseorang yang menyerahkan hak miliknya (harta yang boleh digunakan tanpa susut fizikalnya) kepada pengguna wakaf tersebut dari mula harta diwakafkan hingga ke akhirnya semata-mata kerana Allah SWT. Ianya tidak boleh diambil kembali atau dimiliki oleh mana-mana individu.

Wakaf menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai atau sesuatu yang diperuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam. Sebagai contoh, tanah wakaf ialah tanah yang diperuntukkan bagi keperluan agama seperti untuk perkuburan, mendirikan masjid, dan lain-lain.

Wakaf berasal dari bahasa Arab waqf, iaitu nama terbitan (masdar) dari kata kerja waqafa. Ia mempunyai pelbagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, waqf membawa maksud berhenti (السكن), menegah (المنع) dan menahan (الحبس) (Ibn Manzur, 2005). Dari segi istilah, wakaf adalah menahan benda agar tidak dimiliki serta agar manfaatnya boleh disedekahkan. Maka jadilah pemilikan harta tersebut beralih kepada pemilikan Allah SWT (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

Menurut istilah fiqh, wakaf didefinisikan menurut mazhab-mazhab utama seperti berikut:

1. Hanafiyah: Menahan barang ke atas kepemilikan pewakaf dan mendermakan dengan manfaat. Kepemilikan pewakaf mesti diputuskan oleh hakim (Al-Marghinani, 1972).
2. Malikiyyah: Ibn Arafah mentakrifkan bahawa wakaf adalah memberikan manfaat sesuatu selagi benda itu wujud, lazim kepemilikannya terhadap pemberi wakaf walaupun telah diambil kira kemanfaatannya (Al-Kharashi, 1997).
3. Syafi'iyah: Menurut al-Qulyubi (2003), wakaf adalah menahan harta yang berkemungkinan memberi manfaat dengan mengekalkan barang kepada pengurus.
4. Hanabilah: Menahan sesuatu yang asal (barang/harta) untuk memberikan manfaat/faedah (Ibn Qudamah, 1972).

Wakaf korporat pula merujuk kepada penyerahan harta seperti wang tunai, saham, keuntungan dan dividen oleh pewakaf yang terdiri daripada individu, syarikat, perbadanan, organisasi atau wakaf

korporat merujuk kepada penyerahan harta seperti wang tunai, saham, keuntungan dan dividen oleh pewakaf yang terdiri daripada individu, syarikat, perbadanan, organisasi dan sebagainya.

Pensyariatan Wakaf dinyatakan dalam Al-Quran melalui firman Allah SWT bermaksud:

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya. (Ali Imran: 92)

Menurut Anas bin Malik, Abu Talhah adalah seorang Ansar yang paling banyak memiliki kebun kurma di Madinah. Antara kebun kurma yang paling disayangi ialah kebun kurma miliknya di Bairuha, yang terletak berhadapan dengan masjid. Rasulullah SAW sendiri pernah mengunjunginya dan meminum airnya yang sangat nyaman. Apabila firman Allah SWT yang tersebut di atas itu diwahyukan kepada Rasulullah SAW, maka Abu Talhah berkata kepada Rasulullah SAW: “Sesungguhnya harta yang paling aku sayang ialah hartaku di Bairuha dan sesungguhnya hartaku di Bairuha itulah yang kuwakafkan ke jalan Allah SWT.”

Amalan mewakafkan harta ke jalan yang baik akan diberi oleh Allah SWT ganjaran pahala yang berkekalan dan berpanjangan selama harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan atau tidak musnah. Sebuah hadith daripada Abu Hurairah RA. telah menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

“Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya.” (al-Nawawi, 1994).

Ulama telah mentafsirkan perkataan ‘sedekah jariah’ dalam hadith yang tersebut di atas itu dengan maksud wakaf, kerana pahala sedekah jariah terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya, sedangkan sedekah yang lain, pahalanya tidak berpanjangan mengalir seperti sedekah amal jariah atau wakaf.

Para ulama sepakat menerima wakaf sebagai satu amal jariah yang disyariatkan dalam agama Islam. Tiada siapa yang dapat menafikan dan menolak tuntutan amalan wakaf dalam Islam kerana wakaf telah menjadi amalan yang sentiasa diutamakan oleh para sahabat Rasulullah SAW, ahli-ahli ibadat yang suka bersedekah atau membuat amal kebajikan dan ahli-ahli ilmu yang suka mendampingi dirinya dekat dengan Allah SWT.

Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Umar, Riwayat Imam Muslim bermaksud:

Daripada Ibnu Umar RA katanya: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi SAW untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: *Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya.* (Muttafaq a’laih dan susunan matan tersebut sahih menurut riwayat Muslim)

Rukun Wakaf

1. *Waqif*: orang yang mewakafkan. Adalah disyaratkan pewakaf mestilah seorang yang merdeka, baligh, berakal serta berkelayakan untuk bersedekah harta miliknya. Pewakaf juga sukarela dan reda mewakafkan harta miliknya.
2. *Mawquf alayh*: Pihak yang menerima wakaf. Mawquf boleh ditentukan oleh pewakaf sama ada menentukan penerima wakaf yang khusus misalnya seseorang atau lebih daripada seorang.

Sekiranya pewakaf mahukan penerima wakaf adalah masyarakat umum, maka pewakaf tidak perlu menetapkan penerima khusus, contohnya mewakafkan kepada golongan tertentu seperti golongan fakir atau umat Islam.

3. *Mawquf*: Benda/harta yang diwakafkan. Mestilah berbentuk objek yang tertentu seperti mewakafkan sebuah rumah. Adalah disyaratkan juga harta yang hendak diwakafkan hendaklah milik pewakaf serta memberi faedah dan manfaat dan boleh dipindah milik. Untuk menjadikan wakaf sebagai sedekah jariah yang memberi pahala yang berpanjangan kepada pewakaf, ulama mensyaratkan harta yang hendak diwakafkan boleh digunakan selama-lamanya. Seterusnya penggunaan harta wakaf mestilah diharuskan oleh syarak dan tidak digunakan untuk maksiat.
4. *Sighah/lafaz Waqaf*: Ijab dan qabul dalam serah terima wakaf. Mestilah akad kata-kata yang boleh difahami atau tulisan untuk sesuatu tujuan wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas. Akad adalah wajib bagi mengesahkan wakaf. Lafaz akad terbahagi dua bahagian:
 - i. Lafaz Sorih; lafaz yang jelas membawa maksud yang tertentu sahaja seperti; “Saya mewakafkan rumah saya untuk orang-orang fakir.”
 - ii. Lafaz Kinayah; lafaz yang membawa banyak maksud seperti; “Hartaku adalah sedekah kepada fakir miskin.” (Osman Sabran, 2002)

Harta-Harta Yang Boleh Diwakafkan

Terdapat dua kategori harta yang boleh diwakafkan, iaitu harta tak alih (*ʿaqar* atau *immovables*) dan harta alih (*manqul* atau *movables*). Harta tak alih merupakan jenis harta yang paling banyak diwakafkan. Ia juga adalah amalan tradisi di zaman Rasulullah dan sahabat. Pada zaman ini banyak harta tak alih yang diwakafkan. Para ulama seperti Ibn Qudamah, Ibn ‘Abidin dan al-Ramli pernah mengungkapkan bahawa; “Semasa zaman Rasulullah SAW, tidak ada wakaf yang dilakukan melainkan dalam bentuk tanah dan rumah.” Oleh itu, mereka bersetuju bahawa wakaf sah dibuat daripada harta-harta tak alih kerana ia bersifat kekal dan ini menepati kriteria terpenting sesuatu perwakafan, iaitu wujudnya elemen kekal pada aset dan manfaat harta yang diwakafkan. Bagi harta alih pula seperti wang, buku, sejadah dan sebagainya, tidak semua ulama berpandangan ianya boleh diwakafkan kerana elemen kekal tidak wujud dalam aset yang diwakafkan. Namun begitu, mengikut jumhur ulama seperti Imam al-Shafi’i, Imam Malik dan Imam Ahmad Ibn Hanbal, harta alih boleh diwakafkan dengan syarat ianya tidak habis semasa digunakan seperti kereta, peralatan perabot dan sebagainya.

Bagi harta seperti duit, saham dan sebagainya boleh juga diwakafkan dengan cara menukarkannya kepada bentuk harta kekal atau harta tak alih yang lainnya. Penukaran ini boleh dibuat dengan melaburkan item-item berkenaan dalam bentuk-bentuk pelaburan yang dibenarkan dalam Islam. Keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan ini akan digunakan untuk membeli harta tak alih lain yang akan dijadikan wakaf menggantikan aset wakaf asal (harta alih) yang dilaburkan. Pandangan ini diasaskan kepada pendapat yang dikemukakan oleh fuqaha seperti Muhammad ‘Abdullah al-Ansari, salah seorang daripada sahabat Zufar. Menurut beliau, wang boleh diwakafkan dengan melaburkannya ke dalam mana-mana bentuk perniagaan atau pelaburan. Hasilnya akan disedekahkan (atau diwakafkan). Begitu juga barang-barang makanan yang boleh disukat dan ditimbang, boleh diwakafkan di mana ianya akan dijual dan wang yang diperoleh daripada jualan itu akan dilaburkan dan hasilnya juga boleh diwakafkan kepada tujuan-tujuan kebajikan.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Kuala Terengganu telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam. Dengan fatwa ini masyarakat Islam di Malaysia dapat berwakaf dengan wang tunai tanpa rasa ragu-ragu lagi. Perwakafan yang dibuat adalah dalam bentuk pembelian saham-saham wakaf yang diterbitkan oleh Majlis-Majlis Agama Islam Negeri, institusi tertentu dan juga mewakafkan wang dalam bentuk penyertaan pelan takaful wakaf. Wakaf wang ini membolehkan wakaf dapat dibuat dengan lebih meluas di mana semua golongan mampu berwakaf kerana nilai satu saham wakaf adalah serendah RM2.00 sahaja, contohnya di Melaka (Yayasan Waqaf Malaysia, 2009).

Wakaf Korporat di Kalangan Sahabat Rasulullah SAW

Di sini akan dibahas mengenai bentuk-bentuk wakaf korporat para sahabat. Antara wakaf korporat di kalangan para sahabat daripada golongan anshar dan muhajirin seperti wang dinar-dirham, telaga air, tanah, rumah dan sebagainya. Kedermawanan Saidina Uthman Affan RA terlihat pada kehidupannya sehari-hari. Ketika bencana kekeringan melanda kota Madinah, kaum Muslimin terpaksa menggunakan perigi ar-Ruwmah sebagai satu-satunya sumber mata air. Malangnya perigi tersebut milik Yusuf, seorang Yahudi tua yang serakah. Untuk mengambil air perigi itu, kaum muslimin mesti membayar dengan harga yang mahal yang telah ditetapkan oleh si Yahudi tersebut (Khalid Muammad Khalid, 2016).

Selain itu, telaga yang dikenali juga sebagai Telaga Uthman ini asalnya dipunyai oleh seorang Yahudi yang menjual airnya kepada orang muslim. Sewaktu Rasulullah SAW sampai di kota Madinah, tidak ada air yang sedap untuk diminum kecuali dari telaga ini (Abd Basit Abd Rahman, 2015). Memandangkan keadaan ini Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang membeli telaga al-Ruwmah ini dan mewakafkan airnya kepada umat Islam, dia akan diberi pahala berdasarkan setiap timba air disedekahkan itu dan kelak dia akan meminum air di dalam syurga” (HR, Shahih Bukhari no.2778)

Ibn ‘Abdil Bar meriwayatkan bahawa Saidina Uthman bin Affan RA telah menawarkan diri untuk membeli telaga itu. Tetapi Yahudi tersebut tidak mahu menjual kesemua telaga itu, sebaliknya bersetuju untuk menjual separuh daripadanya sahaja dengan harga sebanyak 12,000 dirham. Giliran untuk mengambil air secara berselang hari juga turut dipersetujui. Maka pada hari giliran Saidina Uthman bin Affan RA, semua orang Islam datang mengambil air secara percuma itu untuk bekalan selama dua hari supaya mereka tidak perlu membeli air daripada Yahudi itu pada keesokannya. Melihat keadaan ini Yahudi itu menyedari bahawa perniagaannya sudah mulai merosot lalu dia menawarkan untuk menjual kesemua telaga itu kepada Saidina Uthman bin Affan RA dengan tambahan 8,000 dirham lagi, menjadi keseluruhannya bernilai 20,000 dirham. Telaga ini masih wujud hingga ke hari ini. Ia terletak kira-kira 1 km dari Masjid al-Qiblatain, iaitu di Jalan Abu Bakar al-Siddiq. Kini ia diletakkan di bawah jagaan Kementerian Air telaga dan Pertanian Arab Saudi (Abd Basit Abd Rahman, 2015).

Anas bin Malik, menegaskan bahawa Abu Talhah adalah seorang Anshar yang paling banyak memiliki kebun kurma di Madinah. Antara kebun kurma yang paling disayangi ialah kebun kurmanya di Bairuha, yang terletak berhadapan dengan masjid. Rasulullah SAW dan baginda sendiri pernah mengunjunginya dan meminum airnya yang sangat selasa.

Wakaf Korporat Di Dalam Medan Perang

Apabila orang-orang mendengar seruan Nabi Muhammad SAW. untuk melawan tentera Rom di dalam peperangan Tabuk, mereka terus berlumba-lumba untuk menyertainya. Mereka menyiapkan kelengkapan untuk berperang dengan begitu pantas. Kabilah-kabilah Arab dari seluruh pelusuk Tanah Arab datang ke Madinah. Tidak ada seseorang pun daripada orang Islam yang mengundurkan diri daripada peperangan yang akan dilancarkan ini, kecuali orang-orang yang ada penyakit di dalam hatinya dan mereka itu hanya beberapa orang. Sehingga orang yang fakir dan miskin turut meminta daripada Nabi Muhammad SAW kenderaan yang digunakan untuk berperang dengan orang-orang Rom (Saiyyur Rahman al-Mubarakfuri, 2019). Baginda bersabda seperti yang dirakamkan dalam al-Quran:

“Dan tidak juga berdosa orang-orang yang ketika mereka datang kepadamu (memohon) supaya engkau memberi kenderaan kepada mereka, engkau berkata: "Tidak ada padaku kenderaan yang hendak kuberikan untuk membawa kamu", mereka kembali sedang mata mereka mengalirkan airmata yang bercucuran, kerana sedih bahawa mereka tidak mempunyai sesuatupun yang hendak mereka belanjakan (untuk pergi berjihad pada jalan Allah) (At-Taubah: 92)

Orang-orang Islam berlumba-lumba membelanjakan harta dan memberi sedekah. Saidina Uthman bin Affan sebelum ini menyediakan satu rombongan besar untuk pergi ke Syam. Beliau menyediakan 200 ekor unta termasuk haiwan kecil dan muatan lain serta 200 wang perak. Beliau menyumbangkan

hartanya itu, kemudiannya menyumbangkan 100 lagi ekor unta beserta muatan dan haiwan yang lain. Selepas itu, beliau mengambil 1000 dinar dan mencurahkan di atas riba Nabi Muhammad SAW, lantas baginda menerimanya dan berdoa, “Selepas hari ini, apa sahaja amalan Uthman tidak akan disiasikan.” Kemudian, beliau bersedekah dan bersedekah lagi sehingga jumlah yang disedekahkan mencapai jumlah 900 ekor unta dan 100 ekor kuda tidak termasuk duit dan wang.

Manakala Abdul Rahman bin Auf datang membawa 200 wang perak dan Saidina Abu Bakar membawa semua hartanya. Beliau tidak meninggalkan sedikit pun harta kepada keluarganya, kecuali untuk Allah SWT dan RasulNya, iaitu 4000 dirham. Beliau adalah orang yang pertama memberikan sedekahnya. Umar pula membawa separuh hartanya. Al-Abbas membawa harta yang banyak. Begitu juga dengan Thalhah, Saad bin Ubadah, dan Muhammad bin Maslamah, mereka membawa harta yang banyak. Asim bin Adi datang dan membawa buah kurma. Orang ramai mengikut mereka semua, sama ada membawa harta yang sedikit mahupun banyak. Sehingga ada yang bersedekah dengan satu atupun genggam harta. Mereka tidak mampu untuk bersedekah lebih dari itu. Kaum hawa pula memberikan apa yang mereka mampu seperti gelang kaki, subang, cincin, dan barang perhiasan yang lain. Tiada siapa yang menyimpan barangnya dan semuanya tidak kedekut untuk bersedekah melainkan orang-orang munafik. Allah menceritakan sikap orang munafik ketika itu (Saiyyur Rahman al-Mubarakfuri, 2019). Allah SWT. berfirman maksudnya:

“Orang-orang (munafik) yang mencela sebahagian dari orang-orang yang beriman mengenai sedekah-sedekah yang mereka berikan dengan sukarela, dan (mencela) orang-orang yang tidak dapat (mengadakan apa-apa untuk disedekahkan) kecuali sedikit sekadar kemampuannya, serta mereka mengejek-ejeknya, Allah akan membalas ejek-ejekan mereka, dan bagi mereka (disediakan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.” (At-Taubah:79)

Amalan Wakaf ini terus berkekalan pada zaman pemerintahan Khulafa’ ar-Rashidin. Sahabat pertama yang mewakafkan hartanya ialah saidina Umar Ibn al-Khattab. Mengikut hadith Rasulullah SAW, riwayat Bukhari dan Muslim bahawa Saidina Umar RA berkata:

“Wahai Rasulullah, saya telah memperoleh harta yang saya tidak pernah perolehi sebelum ini dan saya ingin menghampiri Allah SWT menerusinya. Maka apakah yang patut saya lakukan? Rasulullah SAW menjawab: tahankan (wakafkan) asal harta itu dan sedekahkan hasilnya”. Lalu Saidina Umar RA jadikan harta tersebut iaitu tanah yang diperolehinya di Khaibar sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual, diberi dan diwarisi.

Saranan Rasulullah SAW amat mudah dan jelas sekali. Soalan Saidina Umar RA adalah untuk menggunakan harta yang ada pada beliau dengan syarat harta itu boleh menjadikan beliau lebih dekat kepada Allah SWT. Rasulullah SAW dengan tegas menyarankan kepada Umar supaya menahan asal harta itu dan sedekahkan hasilnya.

Kemudian syariat wakaf yang telah dilakukan oleh Umar ini telah diikuti dan dicontohi oleh para sahabat yang lain. Antara sahabat yang telah melakukan wakaf pada masa tersebut ialah Abu Thalhah, Abu Bakar, Mu’az bin Jabal dan Uthman bin Affan. Abu Thalhah telah mewakafkan kebun kesayangannya iaitu “Bairaha”, manakala Abu Bakar pula telah mewakafkan tanah di Makkah bagi anak keturunannya yang datang ke Mekah. Mu’az bin Jabal pula mewakafkan rumahnya yang terkenal dengan panggilan “Dar Al-Ansar” manakala Uthman bin Affan telah membeli telaga rumah dan mewakafkannya untuk faedah umat Islam (Khalid Muhidib, 2005). Saad ibn Abi Waqas telah mendermakan rumah beliau yang berada di Madinah dan Mesir kepada anak beliau, sehingga hari ini (Khalid Muhidib, 2005).

Al-Khassaf meriwayatkan kepada Aisyah binti Saad RA, berkata: Sadaqah Abi Habs Saad ibn Waqas, tidak diperjualbelikan, tidak dihibahkan, dan tidak diwariskan, ini adalah dijadikan sebagai wakaf Zubair ibn al-Awwam RA telah mendermakan rumah beliau yang terletak di Makkah (al-Haramiyyah) dan di Mesir, serta harta beliau di Madinah kepada anaknya, sehinggalah pada hari ini, iaitu pada zaman al-Humaydi, sebagaimana yang dikatakan oleh Bayhaqi. Zaid ibn Thabit telah mewakafkan rumah beliau yang terletak di area Baqi dan di area masjid (al-Zarqa, 1997).

Wakaf pada zaman kerajaan-kerajaan Islam

i. Zaman Kerajaan Umayyiah

Pada zaman Kerajaan Umayyiah, hakim Mesir ketika itu adalah Taubah bin Ghar Al-Hadhrami yang menjadi hakim pada masa pemerintahan khalifah Hisham bin Abd Malik. Taubah sangat tertarik dengan perkembangan wakaf sehingga beliau telah menubuhkan lembaga wakaf dibawah pengawasan hakim. Lembaga wakaf ini bukanlah yang pertama sekali dilakukan oleh pemerintah di Mesir, bahkan ianya turut dilaksanakan di seluruh Negara Islam. Pada masa itu juga, hakim Taubah mendirikan lembaga Wakaf di Basrah. Sejak dari itu pengurusan lembaga wakaf telah diletakkan di bawah Jabatan Kehakiman yang telah diurus tadbir dengan baik dan hasilnya di salurkan kepada yang berhak dan yang memerlukan.

Pada zaman umawiyah ini, amalan wakaf telah berkembang dan berkembang dan pertambahan dalam amalan wakaf ini dikalangan umat ketika itu. Wakaf pada waktu itu meliputi wakaf Pendidikan dengan terbinanya banyak pusat-pusat pendidikan, masjid, perpustakaan dan hospital. Telah dicatatkan oleh Maqrizi yang menyatakan hospital yang pertama dibina untuk kemudahan pesakit dalam kerajaan Islam telah dibina oleh khalifah umawi iaitu Walid bin Abdul Malik di Damsyik pada tahun 88 hijrah (Abu Zahrah, 1971).

ii. Zaman Kerajaan Abasiyyah

Pada zaman Kerajaan Abasiyyah pula, telah wujudnya lembaga wakaf yang disebut dengan “Shadr al-Wuquf” yang menguruskan pentadbiran dan pemilihan staf lembaga wakaf. Demikian perkembangan wakaf pada masa dinasti umaiyyah dan abasiyyah yang manfaatnya dapat dirasakan oleh masyarakat, sehingga lembaga wakaf berkembang bersama sistem pentadbirannya. Amalan wakaf ini terus berkembang bersama-sama dengan perkembangan dan perluasan kerajaan Islam Abasiyyah ke seluruh pelusuk dunia. Ketika Kerajaan Abasiyyah berjaya masuk ke Mesir, amalan wakaf turut berkembang. Khaisabah bin Kalthum al-Tahbibi adalah orang yang pertama mewakafkan rumahnya untuk dijadikan masjid yang sekarang ini di kenali sebagai Masjid Jamek Amru bin al-‘Aas (Fuad Abdullah. 2000).

iii. Zaman Kerajaan Ayyubiyah

Pada Zaman pemerintahan al-Ayyubiyah di Mesir perkembangan wakaf berlaku dengan pesat. Wakaf bukan sahaja dilakukan oleh orang perseorangan bahkan wakaf pada ketika ini telah dilakukan sendiri oleh para pemerintah. Di mana para pemerintah telah mengambil daya inisiatif mengurniakan harta kerajaan untuk kepentingan Islam dan umatnya. Kurniaan ini dikenali dengan istilah syarak sebagai wakaf al-Irshod.

Pemerintah kerajaan Ayyubiyah ketika itu ialah Raja Nuruddin az-Zanki merupakan orang yang pertama mewakafkan tanah milik negara, iaitu harta milik baitul mal telah di wakafkan. Beliau berpegang kepada fatwa yang dikeluarkan oleh seorang ulama’ pada masa itu iaitu Ibnu Ishrun dan disokong oleh ulama’ lainnya bahawa mewakafkan harta milik negara hukumnya adalah harus.

Berdasarkan fakta sejarah, wakaf pada zaman kerajaan Ayyubiyah kebanyakannya adalah yang telah diwakafkan oleh Sultan Salahuddin al-Ayyubi dan kaum kerabatnya yang mengambil inisiatif dengan menyerahkan harta kerajaan untuk kepentingan agama. Antara wakaf al-Irshod yang terkenal ialah seperti:

- i. Wakaf Nablis yang digunakan untuk menebus tawanan Islam yang ditawan oleh tentera salib pada tahun 564 H (1168 M).
- ii. Waqaf Rumah Said al-Suada’ dibina untuk kegunaan janda-janda dan anak-anak yatim.
- iii. Wakaf Ladang al-Khibaniah, Perigi Khaisariah dan al-Shufiah di daerah al-Bahnasawiah.
- iv. Wakaf sekolah seperti Sekolah al-Nasirriah al-Syafieh, al-Qamhiyyah, al-Malikian di Fayuum.
- v. Wakaf rumah sakit Istana al-Fatimi.

Selain itu, dalam strategi untuk memajukan ulama dan menjaga kepentingan mazhab sunni, Salahuddin al-Ayubbi telah membuat plan yang strategik iaitu dengan mewajibkan orang Kristian yang datang dari Iskandariah untuk berdagang wajib membayar cukai. Pendapatan dari cukai itu dikumpulkan dan diwakafkan kepada para ahli fuqaha' dan keturunannya. Wakaf juga menjadi saranan bagi kerajaan Ayyubiyah dalam kepentingan politik dan mazhab alirannya ialah mazhab sunni dalam mempertahankan kekuasaannya. Pada ketika itu dapat dilihat harta milik Negara (Baitul mal) menjadi modal untuk diwakafkan demi pengembangan mazhab sunni dan menjatuhkan mazhab syiah yang dibawa oleh dinasti sebelumnya iaitu Kerajaan Fatimiyyah (Mohd Syakir Mohd Taib & Wan Kamal Mujani, 2014).

Kajian ini telah mendapati bahawa wakaf korporat sahabat sebagai model pembangunan ummah terbukti telah berjaya menjadi model ikutan sepanjang zaman. Ianya bermula di zaman Rasulullah SAW sehingga zaman khulafa ar-Rasyidin, Kerajaan Bani Umayyah, Bani Abbasiah, Kerajaan Ayyubiyah dan sebagainya. Kajian menunjukkan bahawa keterlibatan golongan korporat derwaman dan hartawan di kalangan para sahabat Nabi SAW, para khalifah Islam dan masyarakat awam serta individu, mereka sanggup menggadaikan dan menyumbangkan harta benda demi kelangsungan agama Islam dan ummah. Model wakaf sahabat yang ingin diketengahkan ialah (MWT) model wakaf telaga Saidina Uthman bin Affan, (MWK) model wakaf kebun Abu Talhah, (MWR) model wakaf rumah Mu'az bin Jabal, Abi Waqas, Zubair ibn al-Awwam. Model-model wakaf ini telah menyumbang dalam pembangunan ummah sehingga ke hari ini. Aset-aset ini masih dikawal selia oleh kerajaan Saudi Arabia untuk manfaat umat Islam. Sumbangan yang diberikan amat besar sekali dalam lipatan sejarah Islam sepertimana mereka sanggup mewakafkan tanah kebun, telaga, wang dinar dirham, sehingga lahirlah sebuah sekolah rendah, menengah serta sebuah institusi pendidikan tinggi, hospital, perpustakaan awam dan lain-lain lagi di mana ia menjadi saham akhirat mereka sehingga hari kiamat. Diharapkan kajian ini akan melahirkan golongan korporat moden Islam yang dermawan lagi pemurah. Mereka akan menyumbangkan sebahagian harta kekayaan kepada golongan yang memerlukan dan untuk pembangunan survival ummah madani yang diimpikan suatu masa nanti.

KESIMPULAN

Perlaksanaan wakaf bukan hanya melibatkan orang Islam, malah telah menarik minat masyarakat yang bukan Islam kerana kaedahnya yang dianjurkan begitu relevan bagi menstabilkan ekonomi sesebuah institusi. Wakaf bukan sahaja melibatkan harta tak alih, malah ia juga melibatkan harta alih seperti wakaf tunai yang dilaksanakan oleh beberapa institusi kewangan pada masa kini. Wakaf sebagai satu ibadat yang digalakkan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Dalam masa yang sama wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi secara langsung.

Wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi dengan cara menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan, Pendidikan dan ibadat. Apabila masyarakat mendapat kemudahan menerima rawatan kesihatan, pendidikan dan kemahiran, maka dari sudut insani ini bermakna mereka juga telah membangun. Ini kerana apabila mereka sihat dan terdidik serta mempunyai kemahiran, ia membuka peluang untuk meningkatkan juga taraf ekonomi keluarga mereka. Begitu juga dengan adanya tempat-tempat ibadat yang membolehkan mereka berjemaah, menunaikan ibadat, menuntut ilmu dan melakukan kegiatan-kegiatan yang menyuburkan rohani, akan turut membangunkan kemanusiaan mereka. Ini kerana pembangunan ekonomi tidak sekadar diukur dari pembangunan bersifat fizikal, malah pembangunan insan juga merupakan sebahagian daripada keperluan dalam pembangunan ekonomi. Institusi wakaf mempunyai potensi yang tinggi dalam membantu sesebuah negara menjana pembangunan ekonomi ummah sekiranya diaplikasikan secara tepat lagi menyeluruh. Malah, konsep ini juga dapat digunakan untuk membasmi kemiskinan di sesebuah negara.

Namun, pelaksanaan konsep ini perlulah seiring dengan kefahaman masyarakat mengenainya. Ini kerana masyarakat selaku agen dalam menjadikan pelaksanaan konsep ini menjadi realiti. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa para sahabat Rasulullah SAW dan para khalifah Islam telah mewakafkan

harta, telaga, kebun, rumah untuk pembangunan ummah. Manakala aset-aset yang telah diwakafkan masih lagi wujud dan ditadbir oleh para pemerintah Saudi Arabia sehingga sekarang. Semoga model wakaf ini menjadi ikutan kepada para korporat muslim moden yang bersifat pemurah lagi budiman bagi mewakafkan harta kekayaan mereka kepada kemaslatan ummah. Hanya dengan instrumen ini saja dapat membantu dan meningkatkan ekonomi umat Islam kontemporari yang sedang mengharungi cabaran globalisasi.

RUJUKAN

- Ab Rahman Ismail (2007). Aplikasi Kaedah Fiqh Mā Lā Yudrak Kulluh Lā Yutrak Julluh Dalam Mengklasifikasi Saham-Saham Patuh Syariah Di Bursa Malaysia. (Disertasi Ijazah Sarjana), Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia.
- Abd Basit Abd Rahman (2015). *Madinah Munawwarah: Kelebihan & Sejarah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Abu Zahrah (1971). *Muhadorah fi al-Waqf*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Al-Kharashi, Muhammad ibn Abdullah ibn Ali (1997). *Hashiyat al-Kharasi ala Mukhtasar Sayyidi Khalil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Marghinani, Burhan al-Din Ali ibn Abi Bakar (1972). *al-Hidayah Sharh Bidayat al-Mubtadi' ma'a Fath al-Qadir*. Mesir: al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
- Al-Nawāwī, Abu Zakariyya Yahya bin Syarh (1994). *Sahīh Muslim bi Syarh al-Imam Muhyi al-Din al-Nawāwī. Kitāb al-Wasiyyah, Bāb Mā Yulhaqu al-Insān min al-Thawāb Ba'da Wafātih*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. Hadith no. 4199.
- Al-Qulyubi, Shihab al-Din Ahmad ibn Ahmad Sallamah (2003). *Hashiyat al-Qulyubi ala Kanzi al-Raghibin Sharh Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zarqa, Mustafa Ahmad (997). *Ahkam al-Awqaf*. Oman: Dar al-Ammar.
- Atriza Umar (2021). Takut baca berita sekarang ini, banyak kes depresi sehingga bunuh diri, 25 Jun 2021, <https://malaysiadateline.com/takut-baca-berita-sekarang-ini-banyak-kes-depresi-sehingga-bunuh-diri>.
- Fuad Abdullah (2000). *Ishamu al-Waqf fi al-Amali Ahli wa Tanmiyah al-Ijtima'iyah*. Kuwait: al-Amanah al-'Ammatu Lil Awqaf.
- Hasnol Zam Zam Ahmad (2007), Cabaran Dalam Mempertingkatkan Potensi Pembangunan Tanah Wakaf. *Jurnal Pengurusan JWZH*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH), Jil. 1, 1(1), h.1-12.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram (2005). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudamah, Shams al-Din Abu Faraj Abd al-Rahman ibn Abi Umar Muhammad ibn Ahmad (1972). *Al-Sharh al-Kabir al-Mughni*. Mesir: Dar a-Kitab al-'Arabi.
- Khalid Muammad Khalid (2016). *Rijal Hawl al-Rasul: 133 Sejarah Wira Terbilang di Zaman Rasulullah* (terj) Abu Mazaya al-Hafiz. Selangor: al-Hidayah Publications.
- Khalid Muhidib (2005). *Athar al-Waqf ala Da'wah ilallahi Taala*. Riyadh: Wizarah Syuun al-Islamiyah.
- Kharil Faizal Khairi, Hisham Sabri, Nur Hidayah Laili & Nurhidayah Dameron (2015). Aplikasi aqad wakaf dan elemen syariah di dalam struktur wakaf korporat di wakaf An-Nur Corporation (Wancorp). *2nd International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2015)*. Langkawi, 26 – 27 August 2015.
- Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani (2014). Sejarah Pendidikan Wakaf Di Malaysia: Tinjauan Literatur. <http://repo.uum.edu.my/14547/1/30.pdf>

Osman Sabran (2002). *Pengurusan Harta Wakaf*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019). Bayan Linnas Siri Ke-191: Wakaf Pendidikan Dan Manfaatnya, Official Website Mufti of Federal Territory, [https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3553-bayan-linnas-siri-ke-191-wakaf-
pendidikan-dan-manfaatnya](https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3553-bayan-linnas-siri-ke-191-wakaf-pendidikan-dan-manfaatnya).

Rohaniza Idris & Muhammad Yusri Muzamir (2020). 99,696 pekerja diberhentikan akibat COVID-19, Disember 3, 2020, [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/761054/99696-
pekerja-diberhentikan-akibat-covid-19](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/761054/99696-pekerja-diberhentikan-akibat-covid-19)

Saad Yusof Abu Aziz, (2005). *Rijal wa Nisa' Hawla al-Rasullullah SAW*. Kaherah: Dar al Fijr lil al-Thurath.

Saiyyur Rahman al-Mubarakfuri (2019). *Ar-Rahiq al-Makhtum Sirah Nabawiyyah* (terjemahan bahasa melayu). Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad.

Yayasan Waqaf Malaysia (2009). <http://www.ywm.org.my/index.php/wakaf-tunai-malaysia/>. 20 Mac 2009.